



ANUGERAH INDUSTRI MUZIK



PERSATUAN
INDUSTRI
RAKAMAN
MALAYSIA

UNTUK EDARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENCALONAN DIBUKA UNTUK ANUGERAH INDUSTRI MUZIK (AIM) KE-21



25hb Jun 2014, Kuala Lumpur - Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) hari ini melancarkan edisi ke-21 Anugerah Industri Muzik (AIM), majlis anugerah paling berprestij dalam industri seni muzik tanahair di mana pembukaan tempoh pencalonan, syarat kelayakan dan kriteria untuk setiap kategori yang dipertandingkan juga telah diumumkan. Majlis pelancaran tersebut yang diadakan di KL Live @ Life Centre di tengah kota Kuala Lumpur dihadiri oleh ahli-ahli RIM dan para media.

Sejak tahun 1993, AIM dikenali sebagai versi tempatan majlis anugerah ternama Amerika Syarikat, Grammy Awards memandangkan ianya adalah satu-satunya majlis anugerah yang memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada bakat-bakat seni Malaysia termasuk penyanyi, komposer, penulis lirik, penerbit dan pereka berdasarkan merit dan kualiti sekaligus membantu untuk melonjakkan kreativiti penggiat seni dan pembangunan industri muzik tanahair. “Kemuncak Segala-Galanya!” masih dikekalkan sebagai ‘tagline’ rasmi bagi majlis berprestij yang dinanti-nantikan saban tahun ini.

“Saya amat berbangga kerana dapat menjadi sebahagian dari Jawatankuasa Penganjur majlis anugerah sebesar AIM ini, lebih-lebih lagi apabila kita telah pun memasuki tahun ke-21 penganjurannya yang semestinya satu mercu tanda yang penuh makna. Kita telah bergerak jauh sejak AIM pertama pada tahun 1993. Sepanjang sejarah gemilangnya, kita telah melihat ramai artis, komposer, penulis lirik dan penggiat industri yang lain yang telah menjulang trofi yang menjadi impian ramai seterusnya menjadi lebih berjaya dan menjadi kebanggaan Malaysia apabila turut mencapai kejayaan di persada muzik antarabangsa. RIM dan AIM akan terus memberikan

yang terbaik demi kebaikan industri muzik tempatan dan semua peminat muzik secara amnya,” kata Encik Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM.

Beliau kemudiannya mengumumkan perkara-perkara berkaitan pencalonan, tempoh dan syarat kelayakan, kategori dan kriteria anugerah serta kaedah penghakiman:

Syarat Kelayakan dan Tempoh Pencalonan

Pencalonan untuk anugerah AIM 21 tahun ini dibuka untuk Lagu/Album dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris yang telah dikeluarkan dalam Malaysia dari 1 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014. Tempoh pencalonan dibuka pada hari Rabu, 25 Jun 2014 dan akan berakhir pada hari Khamis, 7 Ogos 2014 jam 5.00 petang. Borang pencalonan telah diedarkan kepada semua ahli RIM dan juga boleh dimuat turun di www.aim.org.my.

Bermula dari tahun 2015, semua pencalonan AIM hanya terbuka kepada ahli RIM DAN Recording Performers Malaysia Berhad (RPM) sahaja. Artis dan pemuzik rakaman yang berminat untuk menghantar pencalonan untuk tahun depan boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai RPM dan cara untuk mendaftar melalui laman sesawang rasmi di www.rpm.my.

Kategori-kategori Anugerah

Senarai penuh 20 kategori anugerah yang dipertandingkan tahun ini ialah seperti berikut:

1. Artis Baru Terbaik
2. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)
3. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Wanita)
4. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Berkumpulan)
5. Persembahan Vokal Duo/Kolaborasi Terbaik Di Dalam Lagu
6. Kulit Album Terbaik
7. Rakaman Album Terbaik
8. Video Muzik Terbaik
9. Lagu Pop Etnik Terbaik
10. Lagu Nasyid Terbaik
11. Lagu Rock Terbaik
12. Lagu Pop Terbaik
13. Lagu Hip Hop Terbaik
14. Lagu Inggeris Tempatan Terbaik
15. Lagu Bahasa Melayu Terbaik Yang Dipersembahkan Oleh Artis Luar Negara
16. Anugerah Kembara
17. Anugerah Sri Wirama
18. Susunan Muzik Terbaik Di Dalam Lagu
19. Lagu Terbaik
20. Album Terbaik

Penghakiman Anugerah

Seperti tahun-tahun sebelum ini, RIM akan mengekalkan sistem penghakiman di mana satu panel hakim bebas yang terdiri dari penggiat-penggiat seni muzik tanahair dan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan dilantik untuk menilai dan mengadili pencalonan-pencalonan yang dihantar. Panel ini akan diketuai oleh seorang Ketua Juri yang dipilih oleh Jawatankuasa Penganjur AIM 20. Keputusan 5 Calon Akhir AIM 21 dijangka bakal diumumkan dalam bulan Oktober 2014.

- TAMAT -

TENTANG PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA (RIM)

RIM ialah sebuah persatuan perdagangan industri yang ditubuhkan untuk mewakili syarikat-syarikat rakaman tempatan di Malaysia. Ianya kini mewakili hampir 300 syarikat dan peniaga rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pendedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.rim.org.my

Untuk maklumat tentang kriteria anugerah dan borang pencalonan AIM 21, sila lawati www.aim.org.my

Pertanyaan Media:

Jumiza Judin
Bahagian Acara & Komunikasi
Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)
No. L-8-2, Tingkat 8, Blok L, No. 2, Jalan Solaris,
Solaris Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur.
Tel : 03 6207 2976
Email : jumiza.judin@rimgroup.my